

26/12/1998

PM rasmi pameran hartanah terbesar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikan Pameran Hartanah Malaysia yang terbesar sempena Kempen Pembelian Rumah di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Isnin ini.

Presiden Persatuan Kemajuan Perumahan Malaysia (HDAM), Datuk Eddy Chen, berkata pameran berkenaan akan menjadi pusat sehenti untuk pembeli mendapatkan maklumat hartanah yang ditawarkan, termasuk cara pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) dan kelulusan Pinjaman Perbendaharaan.

Di samping itu, katanya, sejumlah 27 bank dan konsortium yang membabitkan 15 syarikat kewangan negara ini akan turut berada di pameran berkenaan bagi mengurus keperluan pinjaman bagi pembeli berpotensi.

Menurutnya, pameran yang akan diadakan mulai 12 Disember hingga 12 Januari itu akan mempamerkan lebih 100 projek perumahan di sekitar Lembah Klang dan Selangor.

Antara daya penarik untuk orang ramai menghadiri pameran ini, HDAM menawarkan sebuah kereta Proton Wira sebagai hadiah utama dalam cabutan undi bertuah yang akan diadakan pada akhir Januari.

(END)